

22/05/2000

Isu tempatan pengaruhi Teluk Kemang

Ziauddin Sharuddin

PILIHAN raya kecil kawasan Parlimen Teluk Kemang, Negeri Sembilan, kini menjadi tumpuan seluruh negara sebagai medan kedua untuk menguji pengaruh antara Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang selepas pilihan raya umum lalu. Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, Pahang, sebagai medan pertama membuktikan BN masih menjadi pilihan dan diterima rakyat, terutama melalui pertambahan majoriti undi.

Berikutan kematian mengejut Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, S A Anpalagan, tidak sampai sebulan selepas kemenangan BN di Sanggang, pengundi di Teluk Kemang pula akan membuat pilihan pada 10 Jun ini.

Kemenangan di Teluk Kemang tidak kurang penting untuk membuktikan sokongan rakyat. Sanggang hanya sebuah DUN luar bandar yang kecil dengan 15,276 pengundi dan menjadi medan pertarungan antara dua calon Melayu, iaitu dari Umno dan Pas, manakala Teluk Kemang adalah sebuah kawasan Parlimen mempunyai lima DUN yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

Teluk Kemang dengan jumlah pengundi berbilang kaum seramai 66,646 orang merangkumi 45.44 peratus Melayu (30,282 orang), 22,144 (33.23 peratus) Cina dan 13,755 India (20.64 peratus).

Fellow Penyelidik Kanan Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Mohd Yusof Kasim, berkata pecahan kaum di kawasan Parlimen itu walaupun tidak begitu tepat, boleh dikatakan dapat menggambarkan komposisi kaum negara ini, iaitu Melayu paling ramai, diikuti Cina dan India.

Katanya, ini menyebabkan keputusan pilihan raya kecil ini dianggap penting kerana dapat menunjukkan tahap sokongan rakyat negara ini terhadap BN selepas pilihan raya umum lalu. Dalam pilihan raya umum lalu di Teluk Kemang, BN menang dengan majoriti undi lebih rendah, iaitu 9,649 undi berbanding 32,415 undi pada pilihan raya umum 1995.

Yusof berkata, penurunan majoriti undi bagi sesetengah pihak menunjukkan penurunan populariti BN di kalangan pengundi. Tetapi sememangnya kebanyakan kawasan Parlimen di seluruh negara menyaksikan majoriti undi BN merosot dalam pilihan raya umum lalu.

Katanya, keadaan itu tidak terkecuali di Negeri Sembilan. Misalnya kawasan Parlimen Kuala Pilah dengan Datuk Napsiah Omar ketika itu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) sebagai calon BN, memperoleh majoriti menjunam kepada 2,818 undi berbanding 20,600 undi pada pilihan raya umum 1995.

Bagaimanapun, katanya, pilihan raya umum dan kecil adalah berbeza kerana pilihan raya umum dipengaruhi isu global dan nasional seperti demokrasi, keadilan dan ketelusan, manakala pilihan raya kecil lebih dikuasai isu tempatan. "Dalam kebanyakan pilihan raya kecil, pengundi tidak melihat isu besar, tetapi isu tempatan yang lebih dekat dengan kehidupan mereka setiap hari," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tidak nampak ada isu besar di Teluk Kemang yang dianggap sebagai kawasan membangun dan mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik. Beliau yang turut membuat kajian pilihan raya kecil Sanggang berkata, senario di Teluk Kemang adalah lebih rumit kerana ciri kepelbagaian kaum dan suasana berbeza.

Katanya, majoriti pengundi di Teluk Kemang adalah bukan Melayu yang akan memilih kelangsungan kehidupan mereka mengatasi isu global dan nasional. "Bukan saya kata bukan Melayu tidak mementingkan isu seperti demokrasi, tetapi kelangsungan hidup lebih penting. Ekonomi negara sedang menuju ke

arah pemulihan. Adakah mereka sedia menanggung risiko dengan mengganggu proses pemulihan itu?" tanya beliau.

Daripada lima DUN di Teluk Kemang, DUN Lukut yang mempunyai 65 peratus pengundi Cina kelihatan mempunyai masalah, terutama berkaitan penternakan babi yang pernah menjadi industri besar di situ.

Bekas pemimpin kanan DAP Negeri Sembilan yang kini menganggotai BN, Khoo Seng Hock, turut meramalkan tentangan pembangkang jika ada pun hanya di DUN Lukut. Beliau yang kini Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lobak (dalam Parlimen Seremban) pernah bertanding atas tiket DAP di Teluk Kemang pada 1974 dan tewas di tangan calon BN, bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk K Pathmanaban.

Kekhuatiran masalah di Lukut adalah kerana DUN itu meliputi kawasan yang teruk dilanda wabak Nipah Encephalitis (Nipah) dan Japanese Encephalitis (JE) tahun lalu yang meliputi Bukit Pelanduk, Kampung India, Kampung Baru Sungai Nipah dan Tanah Merah.

Berikutan wabak itu, kira-kira 100 penduduk mati, terutama di kalangan keluarga penternak dan pekerja ladang babi. Kira-kira 700,000 ekor babi turut dimusnahkan dan sebagai pampasan terhadap kerugian itu, setiap penternak dibayar RM120 bagi setiap ekor babi yang dimusnahkan dan setakat ini, mereka hanya menerima RM50. Isu pembayaran ini awal-awal lagi dilihat seperti api dalam sekam yang boleh merebak dengan pantas, terutama jika menjadi bahan kempen pembangkang.

Bagaimanapun, bahang kemarahan penduduk disejukkan oleh Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang mengumumkan bahawa Kabinet bersetuju membayar baki pampasan itu sebelum 30 Mei ini. Malah penternak lembu dan kambing yang ternakan mereka dimusnahkan turut menerima bayaran.

Isu berkaitan yang bakal timbul ialah penternakan babi yang kini tidak lagi dibenarkan. Pembangkang diramalkan menjadikan perkara itu sebagai isu, terutama di kalangan bekas penternak yang mahu memulakan semula 'perniagaan' yang dianggap sudah menjadi darah daging mereka.

Bagaimanapun, Yusof percaya isu itu tidak akan memberi kesan besar di Teluk Kemang kerana bilangan bekas penternak dan pekerja ladang babi sebagai pengundi tidak ramai, tetapi keadaan boleh berubah jika isu itu yang setakat ini terhad di kalangan masyarakat penternak babi dalam DUN Lukut dieksploitasi menjadi sentimen yang mendapat simpati pengundi Cina di kawasan lain. "Jika keadaan itu berlaku, keputusan pilihan raya Teluk Kemang boleh berubah," katanya.

Calon adalah antara perkara rumit dalam pilihan raya kecil kerana faktor itu boleh mempengaruhi pilihan pengundi yang biasanya mahukan calon tempatan yang mereka kenali. Berdasarkan prinsip kompromi BN, Teluk Kemang diwakili calon MIC dan secara tradisi akan ditentang calon DAP. Dalam pilihan raya umum lalu, walaupun DAP bertanding, tetapi calonnya ialah dari Parti Keadilan Nasional (Keadilan), N Gobalakrishnan.

Berbanding Sanggang, BN kali ini bergerak lebih pantas dengan berusaha mengumumkan calon lebih awal dan anak tempatan sudah pasti menjadi pilihan utama.

Ketika BN sudah pasti meletakkan calon MIC, Barisan Alternatif masih bermain tarik tali, terutama antara DAP dan Keadilan yang bertegas mahu meletakkan calon masing-masing.

DAP mendakwa mereka lebih layak dengan alasan Teluk Kemang adalah kawasan tradisi mereka dan pemilihan calon Keadilan ketika pilihan raya umum lalu mengikut Penasihat DAP Kebangsaan, Dr Chen Man Hin, adalah kerana DAP hanya 'meminjamkan' Parlimen itu kepada Keadilan. Bagaimanapun, Keadilan pula menjadikan bilangan pengundi Melayu yang ramai sebagai faktor kelebihan parti itu.

Beberapa nama disebut-sebut bakal bertanding atas tiket DAP, termasuk

dua pemimpin kanan parti itu yang tewas dalam pilihan raya umum lalu, iaitu Lim Kit Siang dan Karpal Singh, manakala Ketua Penerangan Keadilan, Roslan Kasim, dikatakan mungkin dijadikan calon Keadilan.

Dari segi latar belakang kaum calon yang bertanding, Yusof berpendapat faktor itu tidak memberi kesan besar kerana sejak kebelakangan ini, walaupun Parlimen atau DUN mempunyai majoriti kaum tertentu, tetapi calon dari parti tertentu tetap menang di situ walaupun daripada kaum lain.

Keadaan ini berlaku kerana pengundi lebih melihat kepada parti dan oleh kerana calon BN di Teluk Kemang adalah dari MIC, sudah tentu pengundi India akan memilih BN kerana faktor kaum, apatah lagi anak tempatan, tetapi pengundi Cina tetap memilih BN kerana mereka memilih parti, katanya.

Bagaimana dengan pengundi Melayu? Berdasarkan keputusan pilihan raya umum lalu, penurunan besar majoriti undi adalah kerana perubahan selera pengundi Melayu. Bagaimanapun, kata Yusof, jika sebahagian undi Melayu pergi kepada calon pembangkang, BN tetap menang dengan sokongan kaum bukan Melayu.

Bagaimanapun, Seng Hock percaya kejayaan calon Umno di Sanggang akan mempengaruhi pengundi Melayu Teluk Kemang untuk kembali semula kepada Umno dan BN. "Saya percaya BN tidak akan menghadapi masalah di DUN Chembong, Pasir Panjang dan Linggi," katanya. Ketiga-tiga DUN ini mempunyai pengundi Melayu antara 61 hingga 74 peratus.

Perhimpunan agung Umno yang baru berakhir juga dijangka memberi kesan besar terhadap keputusan di Teluk Kemang, kata Yusof kerana di Sanggang, pilihan raya kecil berlangsung ketika pemimpin Umno sibuk berkempen untuk menghadapi pemilihan parti yang tidak kurang juga penting bagi kelangsungan mereka.

Di sebalik keghairahan kempen itu, BN dan Umno bukan saja menang, tetapi juga memperoleh majoriti undi yang lebih besar. Di Teluk Kemang, jentera Umno kini boleh memberi tumpuan sepenuhnya untuk memenangkan calon BN. Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menggesa pemimpin parti memastikan kemenangan dengan majoriti lebih besar di Teluk Kemang selepas perhimpunan agung Umno berakhir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengarahkan semua menteri Kabinet 'turun padang' di Teluk Kemang dan memastikan sebarang masalah berkaitan kementerian masing-masing diselesaikan.

Selain itu, perubahan dalam Umno yang mula menyedari keperluan mendekati golongan yang menentang parti itu boleh memberi kesan jika usaha bersungguh-sungguh dilakukan.

Inilah masa Umno membuktikan kata-kata itu dan pengundi Teluk Kemang, terutama orang Melayu sendiri mahu melihat perubahan itu.

Berdasarkan senario ini, parti pembangkang dijangka menghadapi kesukaran untuk membuat kejutan walaupun pilihan raya kecil selalunya memberi kelebihan kepada lawan. Dr Chen sendiri menyedari hakikat ini dan menyatakan tidak menaruh harapan besar kepada DAP untuk menawan Teluk Kemang, apatah lagi dengan kekuatan DAP Negeri Sembilan kini berada pada tahap yang lemah akibat masalah dalaman dan tindakan beberapa pemimpin kanan parti menyertai MCA.

Masalah kekurangan pemimpin tempatan yang berkeelayakan dan berwibawa mungkin memaksa DAP mengambil pemimpin luar sebagai calon jika ia bertanding.

Bagi pengundi tempatan, calon luar apatah lagi seperti Lim Kit Siang atau Karpal Singh bukan pemimpin yang mereka kehendaki. Pengundi mahu pemimpin yang mengetahui dan mengambil berat masalah mereka.

Dalam pilihan raya, strategi juga amat penting, terutama pada hari terakhir menjelang pengundian. Jika pemilihan calon tepat, isu parti

pembangking dapat ditangkis dengan cepat dan tepat ditambah jentera pilihan raya yang licin dengan menggunakan strategi betul, BN dijangka tidak menghadapi masalah.

Yusof memilih BN sebagai pemenang di Teluk Kemang. "Menang atau kalah bukan isu di Teluk Kemang, tetapi berapakah majoriti BN?"

(END)